



KURSUS PENYEDUTAN TANGKI SEPTIK

PENGENALAN

Kerja-kerja pengosongan tangki septik individu perlu dijalankan dengan mengamalkan carakerja yang baik supaya pengguna mendapat kepuasan sepenuhnya terhadap perkhidmatan yang disediakan serta kerja dijalankan dengan cara yang selamat, cekap dan berkesan. Kursus ini menyediakan pengetahuan dan kefahaman mengenai kepentingan kerja-kerja penyedutan tangki septik individu.

OBJEKTIF KURSUS

Kursus ini adalah bertujuan untuk:

- Memberi pendedahan asas mengenai sistem perkhidmatan pemptungan.
- Memberi pengetahuan mengenai jenis-jenis dan fungsi tangki septik.
- Meningkatkan kefahaman mengenai proses penyedutan tangki septik.
- Memberi tunjuk ajar mengenai carakerja baik dalam penyedutan dan pembersihan tangki septik individu.
- Memberi pendedahan mengenai amalan baik dalam pengendalian enapcemar.

KANDUNGAN KURSUS

Kursus ini akan membincangkan mengenai proses penyedutan tangki septik individu yang merangkumi topik-topik berikut:

- Jenis-jenis sistem pemptungan.
- Sumber-sumber pencemaran.
- Jenis-jenis tangki septik.
- Fungsi tangki septik.
- Proses penyedutan dan pembersihan tangki septik.
- Pengendalian enapcemar.



HASIL PEMBELAJARAN

Setelah tamat kursus ini, peserta akan dapat:

- Memahami keperluan untuk menjalankan kerja-kerja pengosongan tangki septik.
- Mengenalpasti jenis-jenis tangki septik.
- Mengetahui fungsi tangki septik.
- Mengetahui bagaimana melaksanakan kerja-kerja penyedutan tangki septik dengan cara yang selamat dan bersih.
- Mengetahui cara yang betul bagi pengendalian enapcemar.
- Memberi penerangan kepada pengguna tangki septik dengan cara yang berkesan dan mesra.

ATURCARA KURSUS

ATURCARA KURSUS	
8:30 – 9:00 pg	Pendaftaran Peserta
9.00 – 9.30 pg	<ul style="list-style-type: none">▪ Jenis-jenis sistem pemptungan▪ Sumber-sumber pencemaran
9.30 – 10.30 pg	<ul style="list-style-type: none">▪ Jenis-jenis tangki septik▪ Fungsi tangki septik
10.30 – 11.00 pg	Minum Pagi
11.00 – 1.00 tgh	<ul style="list-style-type: none">▪ Proses penyedutan dan pembersihan tangki septik
1.00 – 2.00 ptg	Makan Tengahari
2.00 – 3.30 ptg	<ul style="list-style-type: none">▪ Proses penyedutan tangki septik- Aktiviti kerja berkumpulan
3.30 – 4.00 ptg	Minum Petang
4.00 – 5.00 ptg	<ul style="list-style-type: none">▪ Pengendalian enapcemar



KURSUS PENYEDUTAN TANGKI SEPTIK DAN KENALI TANKER ANDA

PENGENALAN

Pengosongan tangki septik perlu dilakukan samada secara berjadual atau secara responsif setiap dua tahun sekali. Bagi memastikan kelancaran kerja-kerja penyedutan tangki septik, adalah amat penting bagi penyedia perkhidmatan memastikan pekerja-pekerja adalah arif dalam pengendalian dan juga fungsi kenderaan serta komponen-komponen yang terlibat dalam penyedutan enapcemar. Juga adalah penting untuk memastikan bahawa kenderaan yang digunakan untuk tujuan tersebut berfungsi dengan baik. Oleh itu, keutamaan harus diberikan terhadap tugas-tugas mengendali dan menyelenggara kenderaan (lori) tangki septik secara efisien dan selamat. Kursus ini menyediakan pengetahuan dan kefahaman mengenai fungsi, komponen dan aspek penyelenggaraan lori tangki septik.

KANDUNGAN KURSUS

Kursus ini adalah bertujuan untuk:

- Memberi pengetahuan dan pendedahan akan fungsi dan komponen lori tangki dan peralatan yang digunakan untuk melaksanakan kerja-kerja penyedutan enapcemar.
- Meningkatkan kefahaman mengenai aspek pemeriksaan dan penyelenggaraan lori tangki.
- Meningkatkan kesedaran dalam aspek-aspek keselamatan dan kesihatan dalam pengendalian lori tangki.
- Meningkatkan kefahaman mengenai prosedur dan kesalahan trafik.



HASIL PEMBELAJARAN

Setelah tamat kursus ini, peserta akan dapat:

- Memahami mengenai bahagian-bahagian dan fungsi kelengkapan dan peralatan yang digunakan untuk kerja-kerja penyedutan enapcemar.
- Berkebolehan menggunakan kelengkapan dan peralatan untuk melaksanakan kerja-kerja penyedutan enapcemar dengan betul dan selamat.
- Mengetahui tindakan yang perlu diambil dalam situasi kecemasan.
- Mempunyai pengetahuan asas mengenai keperluan penyelenggaraan komponen kenderaan.
- Menghargai kepentingan aspek keselamatan semasa mengendalikan kenderaan.

SIAPA PATUT HADIR

Kakitangan yang terlibat dalam kerja-kerja penyedutan tangki septik.

SIJIL KEHADIRAN

Akan diberi kepada setiap individu setelah tamat Kursus

KAEDAH PENYAMPAIAN

Kursus dikendalikan secara kuliah, perbincangan berkumpulan dan praktikal. Peserta akan didedahkan kepada cara-cara penyedutan tangki septik dan bahagian lori tangki semasa latihan amali.

KAEDAH PENILAIAN

Peserta akan dinilai melalui ujian yang diadakan di akhir sesi kursus.

ATURCARA KURSUS	
9.00 – 10.30 pg	▪ Fungsi dan komponen lori tangki
10.30 – 11.00 pg	Minum Pagi
11.00 – 1.00 tgh	▪ Pemeriksaan dan penyelenggaraan ▪ Sistem pengrekodan penggunaan kenderaan Penyelenggaraan, baikpulih dan pemeriksaan kenderaan
1.00 – 2.00 ptg	Makan Tengahari
2.00 – 3.15ptg	▪ Keselamatan kenderaan dan pemanduan selamat ▪ Prosedur kemalangan jalanraya dan kecemasan
3.15 – 3.30 ptg	Minum Petang
3.30 - 5.00 ptg	▪ Praktikal / Demontrasi